

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 27.11.2014 (KHAMIS)

DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rancangan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjana pasaran domestik negara ini dalam peruncitan dan pemborongan sebagai satu pasaran yang dinamik yang dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara fungsi utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ialah menggerakkan sektor domestik utama yang berdaya saing, progresif dan mampan serta ekonomi domestik berasaskan persaingan adil dan inovatif. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi ekosistem sektor peruncitan dan pemborongan di negara ini, misalnya faktor lokasi, sumber, pembiayaan, pemasaran dan lain-lain.

Bagi memastikan pembangunan persekitaran sektor peruncitan dan pemborongan di Malaysia adalah kondusif dan memberi ruang dan peluang kejayaan optimum kepada usahawan-usahawan tempatan, Kementerian sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam membantu memoden dan mentransformasikan sektor ini melalui beberapa inisiatif seperti berikut:

- i) meliberalisasikan sektor pemborongan dan peruncitan serta menggalakkan pelaburan;
- ii) menggalakkan penggabungan di kalangan peruncit tempatan untuk meningkatkan kecekapan dan mencapai skala ekonomi;
- iii) menggalakkan format peruncitan moden seperti pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka serta kedai khusus bagi merangsang pelaburan dan mempercepatkan proses pemodenan;
- iv) menggalakkan francais, jualan langsung dan e-dagang bagi mencapai potensi sepenuhnya; dan

- v) mengambil inisiatif memodenkan subsektor penjaja dan peniaga kecil yang mencapai skala besar dalam jangka panjang.

Sebagai salah satu Kementerian yang bertanggungjawab mengawal selia perdagangan domestik, pelbagai usaha dan inisiatif yang sedang dan akan Kementerian laksanakan seperti yang dinyatakan tadi bukan sahaja dapat menjana pasaran domestik, malah juga dijangka akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Misalnya, sub sektor runcit dijangka akan mewujudkan 370,000 pekerjaan baru dalam tempoh 10 tahun akan datang dan perniagaan kedai serbaneka dengan kepentingan asing disasarkan bakal memberi suntikan ekonomi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh 5 tahun sebanyak RM625 juta serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 10,000 orang.

Sehubungan itu, kerjasama dan sokongan semua pihak adalah perlu bagi menjadikan sektor peruncitan dan pemborongan ini lebih dinamik dalam membawa Malaysia ke arah status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 nanti.